

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Tumpuan utama bab ini adalah untuk membincangkan dan menghurai secara terperinci tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, tempat kajian, tata cara kajian, instrument kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur menganalisis data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif (Kerlinger, 1993; Cohen dan Manion, 1994). Kajian deskriptif adalah suatu bentuk kajian yang digunakan untuk mengkaji apa yang terjadi dan bagaimanakah kedudukan fenomena sekarang. Penentuan perkara-perkara yang mendesak situasi, amalan dan sikap serta penerangan yang tepat tentang aktiviti-aktiviti, objek, proses dan individu menjadi objek kajian deskriptif.

Data kajian deskriptif biasanya dikumpul dengan mentadbirkan soal selidik, menemubual responden, memerhati peristiwa atau menganalisa dokumen. Kajian deskriptif meliputi dari tinjauan mudah yang lebih sedikit dari bertanyakan soalan-soalan dan melaporkan jawapan-jawapan tentang status semasa sehingga kepada kajian memberikan pernyataan terperinci tentang hubungan diantara pemboleh ubah yang mendekati taraf hipotesis huraian yang boleh diporoleh dalam penyelidikan eksperimen.

Reka bentuk kajian ini akan dilaksanakan dengan kaedah penyelidikan kuantitatif. Menurut Mohd.Majid (1990) kajian kuantitatif sesuai digunakan untuk mengukur pemboleh ubah – pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah itu wujud.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian yang dilakukan terbatas di enam area yang ada di Kota Depok Provinsi Jawa Barat. Bagi memastikan kelicinan proses pengumpulan data, kajian ini diadakan di enam Kecamatan Kota Depok iaitu: Cimanggis, Pancoran Mas, Beji, Limo, Sukmajaya dan Sawangan.

3.4 Populasi Kajian

Populasi kajian ini adalah seluruh guru pendidikan Agama Islam yang berkhidmat di Sekolah Dasar Negeri Kota Depok Jawa Barat berjumlah 265 orang.

3.5 Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini adalah seluruh guru pendidikan agama Islam di Sekolah Dasar Negeri Kota Depok Jawa Barat sebanyak 265 orang.

3.5.1 Persampelan

Dalam kajian ini menggunakan persampelan dari populasi guru berjumlah 265 orang, dan penulis menetapkan sampel sebesar 100 peratus, maka diperoleh bilangan sampel sama dengan 265 orang.

Bilangan Sampel Guru Mengikuti Daerah di Kota Depok Provinsi Jawa Barat dan jumlah sekolah yang terlibat ditunjukkan dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1
Bilangan Sampel Guru Mengikuti Daerah di Kota Depok Provinsi Jawa Barat

| No | Kecamatan | Jml Sekolah | Jumlah Guru Agama Islam | | | Populasi/Sampel |
|---------------|--------------|-------------|-------------------------|---------|--------|-----------------|
| | | | Gol II | Gol III | Gol IV | |
| 1 | Cimanggis | 78 | 6 | 35 | 17 | 58 |
| 2 | Pancoran Mas | 63 | 2 | 24 | 23 | 49 |
| 3 | Beji | 29 | 0 | 8 | 21 | 29 |
| 4 | Sukmajaya | 68 | 4 | 40 | 25 | 69 |
| 5 | Limo | 22 | 0 | 9 | 10 | 19 |
| 6 | Sawangan | 51 | 1 | 22 | 18 | 41 |
| JUMLAH | | 311 | 13 | 138 | 114 | 265 |

Sumber : Pejabat Jawatan Pendidikan Kota Depok (2009)

3.6 Kaedah Kajian

3.6.1 Instrumen Soal Selidik

Bagi tujuan kajian ini, instrumen soal selidik digunakan sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat tentang faktor disiplin kerja, motivasi kerja, kepuasan kerja, pengurusan konflik, suasana kerja, dan gaya kepimpinan guru besar ke atas prestasi guru. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah mengacu dan diadaptasi oleh pengkaji dengan bantuan pakar-pakar dalam profesi ini. Item-item instrumen dibentuk berdasarkan dari pelbagai sumber seperti instrumen-instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain, definisi operasional dan literature yang berbicara.

Instrumen soal selidik prestasi guru merupakan adopsi dari instrument inventori yang telah dikembangkan oleh Wan Sari Ismail (2004) dengan mengambil 5 dari 7 dimensi serta masing-masing 5 item dan jumlah keseluruhan instrumen 25 item, item tersebut meliputi: (1) perancangan pengajaran 5 item, (2) penyampaian 25 item, (3) kepelbagaian kaedah pengajaran 5 item, (4) memenuhi keperluan berbeza 5 item dan (5) penilaian dan pelaporam 5 item.

Instrumen disiplin kerja merupakan instrumen yang digunakan dalam Hubungan antara Budaya Organisasi dan Disiplin Kerja dengan Kepuasan Kerja (Lily Suarny, 2003): (1) mentaati aturan 5 item, (2) kesadaran melaksanakan tugas 5 item, (3) intropeksi diri 5 item, (4) menegakkan disiplin. 5 item, (5) harapan yang tinggi 5 item, dan (6) motivasi dalam disiplin 5 item.

Instrumen Motivasi kerja guru digunakan adopsi soal selidik 'A *Questionnaire Measure of Individual In Achieving Tendency*' (*QMT*) yang dibentuk Mehrabian dan Bank (1978), terdiri dari 30 item. meliputi: (1) pencapaian guru 5 item, (2) peningkatan kerja 5 item, (3) kesiapan diri 5 item, (4) penyelesaian tugas 5 item, (5) peluang kerja 5 item, dan (6) kepuasan diri dan hati 5 item.

Instrumen kepuasan kerja guru yang digunakan adalah adopsi instrumen "*Job Descriptive Index*' (*JDI*) yang dibentuk oleh Smith *et. al.* (1987) terdiri dari: (1) kerja itu sendiri 5 item, (2) kepemimpinan pentadbiran 5 item, (3) hubungan interpersonal 5 item, (4) perserikatan tempat kerja 5 item, (5) pencapaian pelajar 5 item, dan (6) ganjaran bukan berbentuk kewangan 5 item.

Instrumen pengurusan konflik dipadankan dari Quah Cheng (2005) terdiri dari : (1) pendayagunaan struktur faktor-faktor kewujudan konflik 5 item, (2) tahap-tahap konflik 5 item, (3) gaya pengurusan konflik 5 item, (4) kesan konflik 5 item, (5) pendekatan pengurusan konflik 5 item.

Instrumen suasana kerja dibina berdasarkan ciri-ciri iklim sekolah berkesan yang dinyatakan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Malaysia meliputi: (1) aspek kebersihan 5 item, (2) keselamatan 5 item, (3) keadilan 5 item, dan (4) kebanggaan 5 item, (5) semangat mahu belajar 5 item, (6) rancangan untuk belajar dari sekolah 5 item.

Instrumen gaya kepemimpinan guru besar merupakan dipadankan dari *'The Leadership Behaviour Descriptive Questionnaire (LBDQ)* yang dibentuk oleh University Ohio State (Halpin, 1963) yang terdiri dari : (1) pendayagunaan strukutr 5 item, (2) timbang rasa 5 item, (3) sokongan 5 item, (4) keterlibatan sama 5 item, (5) Kecekapan 5 item.

Data yang diperoleh dari soal selidik disiplin kerja, motivasi kerja, kepuasan kerja, pengurusan konflik, suasana kerja, dan gaya kepemimpinan guru besar dihubungkan dengan prestasi guru. Ini adalah untuk melihat pengaruh disiplin kerja, motivasi kerja, kepuasan kerja, pengurusan konflik, suasana kerja, dan gaya kepemimpinan guru besar terhadap prestasi guru. Set instrumen soal selidik akan dijawab oleh guru dengan membulatkan nombor pada skala yang disediakan. Maklum balas bagi setiap pernyataan di setiap ruang dikemukakan untuk variabel prestasi guru, disiplin mengajar, suasana kerja, dan gaya kepemimpinan guru besar, dalam bentuk berikut:

| | |
|---------------|---|
| Selalu | 5 |
| Sering | 4 |
| Kadang-kadang | 3 |
| Pernah | 2 |
| Tidak Pernah | 1 |

Set instrument soal selidik akan dijawab oleh guru dengan membulatkan nombor pada skala yang disediakan. Maklum balas bagi setiap pernyataan di setiap ruang dikemukakan untuk variabel motivasi kerja guru, kepuasan kerja guru, dan pengurusan konflik dalam bentuk berikut:

| | |
|---------------|---|
| Sangat Setuju | 5 |
| Setuju | 4 |
| Ragu-ragu | 3 |

| | |
|---------------------|---|
| Tidak Setuju | 2 |
| Sangat Tidak Setuju | 1 |

Skala Likert 5 markah digunakan untuk menunjukkan tahap kekerapan perkara itu berlaku dan sebaliknya bagi setiap pernyataan yang dikemukakan (Cavanagh. & Reynold, 2005). Responden perlu memberi maklum balas terhadap pernyataan yang dikemukakan ini dengan membulatkan nombor pada skala yang disediakan. Maklum balas bagi setiap pernyataan disediakan di setiap ruang.

Kebolehpercayaan dalaman pula diperoleh dengan menguntukkan indeks kebolehpercayaan alpha Cronbach (0.6) Selain itu analisis item turut dijalankan bagi melihat korelasi semua item.

3.6.2 Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen

3.6.2.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Prestasi Guru

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik prestasi guru dapat dilihat pada Jadual 3.2 dengan masing-masing nilai: (1) perancangan pengajaran 5 item indeks korelasi (0.499 – 0.679) dengan nilai alfa (0.605), (2) penyampaian 5 item indeks korelasi (0.358 – 0.548) dengan nilai alfa (0.606), dan (3) kepelbagaian kaedah pengajaran 5 item indeks korelasi (0.375 – 0.514) dengan nilai alfa (0.690). (4) memenuhi keperluan berbeza 5 item indeks korelasi (0.324 – 0.547) dengan nilai alfa (0.730), dan (5) penilaian dan pelaporan 5 item indeks korelasi (0.338 – 0.499) dengan nilai alfa (0.690). Rumusannya adalah bahawa tingkat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tinggi kerana berkisar antara (0.334-0.679) untuk kesahan dan antara (0.306-0.730) sedang .

Jadual 3.2

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Prestasi Guru

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|--------------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Perancangan pengajaran | 5 | 0.499 – 0.679 | 0.605 |
| 2 | Penyampaian | 5 | 0.358 – 0.548 | 0.606 |
| 3 | Kepelbagaian kaedah pengajaran | 5 | 0.375 – 0,514 | 0.690 |
| 4 | Memenuhi keperluan berbeza | 5 | 0.324 – 0.547 | 0.730 |
| 5 | Penilaian dan pelaporan | 5 | 0.338 – 0.499 | 0.690 |

3.6.2.1.2 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Disiplin Kerja

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik disiplin kerja guru dapat dilihat pada Jadual 3.3 dengan masing-masing nilai: (1) mentaati tata tertib indeks korelasi (0.407 – 0.508) dengan nilai alfa (0.750), (2) kesadaran melaksanakan tugas indeks korelasi (0.520 – 0.660) dengan nilai alfa (0.640), (3) intropeksi diri indeks korelasi (0.373 – 0.582) dengan nilai alfa (0.634), (4) menegakkan disiplin indeks korelasi (0.385 – 0.580) dengan nilai alfa (0.660). (5) Harapan guru yang tinggi terhadap penerapan disiplin indeks korelasi (0.346 – 0.696) dengan nilai alfa (0.618), (6) motivasi guru dalam berdisiplin indeks korelasi (0.327 – 0.508) dengan nilai alpha (0.862), Rumusannya adalah indeks kesahan instrumen tinggi berkisar (0.346-0.696) dan tingkat kebolehpercayaan sedang berkisar (0.323-0.862).

Jadual 3.3

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Disiplin Kerja

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|------------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Mentaatai aturan | 5 | 0.407 – 0.508 | 0.750 |
| 2 | Kesedaran melaksanakan tugas | 5 | 0.520 – 0.660 | 0.640 |
| 3 | Intropeski diri | 5 | 0.373 – 0.582 | 0.634 |
| 4 | Menegakkan disiplin | 5 | 0.385 – 0.580 | 0.660 |
| 5 | Harapan guru yang tinggi | 5 | 0.346 – 0.696 | 0.618 |
| 6 | Motivasi guru | 5 | 0.327 – 0.508 | 0.862 |

3.6.2.1.3 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi Kerja

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik motivasi kerja guru dapat dilihat pada Jadual 3.4 dengan masing-masing nilai. meliputi: (1) pencapaian guru 5 item indeks korelasi (0.415 – 0.626) nilai alfa (0.691), (2) peningkatan kinerja 5 item indeks korelasi (0.349 – 0.733), nilai alfa (0.698), (3) kesiapan diri 5 item indeks korelasi (0.463 – 0.595), nilai alfa (0.666). (4) penyelesaian tugas 5 item indeks korelasi (0.366 – 0.577), nilai alfa (0.626). (5) Peluang kerja 5 item indeks korelasi (0.485 – 0.634), dengan nilai alfa (0.602), (6) kepuasan diri dan hati 5 item dengan indeks korelasi (0.417 – 0.621), nilai alfa (0.616). Rumusannya adalah indeks kesahan sederhana tinggi dengan indeks korelasi antara (0.349-0.733) dan tingkat dan kebolehpercayaan sederhana nilai alfa antara (0.316-0.502).

Jadual 3.4

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi Kerja Guru

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Pencapaian guru | 5 | 0.415 – 0.626 | 0.691 |
| 2 | Peningkatan kinerja | 5 | 0.349 – 0.733 | 0.698 |
| 3 | Kesiapan diri | 5 | 0.463 – 0.595 | 0.666 |
| 4 | Penyelesaian tugas | 5 | 0.366 – 0.577 | 0.626 |
| 5 | Peluang kerja | 5 | 0.485 – 0.634 | 0.602 |
| 6 | Kepuasan diri dan hati | 5 | 0.417 – 0.621 | 0.616 |

3.6.2.1.4 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Kepuasan Kerja

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik kepuasan kerja guru dapat dilihat pada Jadual 3.5 dengan masing-masing nilai: (1) Kerja itu sendiri 5 item indeks korelasi (0.367 – 0.571) nilai Alfa (0.654), (2) kepemimpin pentadbiran 5 item indeks korelasi (0.354 – 0.666) nilai alfa (0.600), (3) Hubungan interpersonal 5 item indeks korelasi (0.399 – 0.504), nilai alfa (0.641) , (4) Perserikatan tempat kerja 5 item indeks korelasi (0.385 – 0.542), nilai alfa (0.669), (5) Pencapaian pelajar 5 item indeks korelasi (0.437 – 0.539), nilai alfa (0.683), (6) Ganjaran bukan berbentuk kewangan 5 item indeks korelasi (0.396 – 0.419), nilai alfa (0.685). Rumusannya adalah indek kesahan dan kebolehpercayaan sederhana dengan indeks korelasi antara (0.354-0.569) dan tigkat dan kebolehppercayaan sederhana nilai alfa antara (0.300-0.569).

Jadual 3.5

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Kepuasan Kerja Guru

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|-----------------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Kerja sendiri | 5 | 0.367 – 0.571 | 0.654 |
| 2 | Kepimpinan pentadbiran | 5 | 0.354 – 0.666 | 0.600 |
| 3 | Hubungan interpersonal | 5 | 0.399 – 0.504 | 0.641 |
| 4 | Perserikatan tempat kerja | 5 | 0.385 – 0.542 | 0.669 |
| 5 | Pencapaian pelajar | 5 | 0.3437 – 0.539 | 0.683 |
| 6 | Ganjaran bukan berbentuk kewangan | 5 | 0.396 – 0.419 | 0.685 |

3.6.2.1.5 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Pengurusan Konflik

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik pengurusan konflik dapat dilihat pada Jadual 3.9 dengan masing-masing nilai: (1) faktor-faktor kewujudan-kewujudan konflik 5 item indek korelasi (0.550 – 0.651) dan nilai alfa (0.697), (2) tahap-tahap konflik 5 item indeks korelasi (0.317 – 0.788) dan nilai alfa (0.618), (3) gaya mengurus konflik 5 item indeks korelasi (0.454 – 0.682) dan nilai alfa (0.670), (4) kesan konflik 5 item indeks korelasi (0.370 – 0.599) dan nilai alfa (0.610), (5) pendekatan pengurusan konflik 5 item indeks korelasi (0.327 – 0.508) dan nilai alfa (0.862). Rumusannya adalah secara kessler kesahan soal selidik pengurusan konflik sederhana tinggi iaitu (0.317-0.788) dan kebolehppercayaan soal selidik tinggi iaitu (0.310-0.862).

Jadual 3.6

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Pengurusan Konflik

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|-------------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Faktor konflik kewujudan | 5 | 0.550 – 0.651 | 0.697 |
| 2 | Tahap konflik | 5 | 0.317 – 0.788 | 0.618 |
| 3 | Gaya mengurus konflik | 5 | 0.454 – 0.682 | 0.670 |
| 4 | Kesan konflik | 5 | 0.370 – 0.597 | 0.610 |
| 5 | Pendekatan pengurusan konflik | 5 | 0.327 – 0.508 | 0.862 |

3.6.2.1.6 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Gaya Kepimpinan Guru Besar

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik gaya kepimpinan guru besar dapat dilihat pada Jadual 3.11 dengan masing-masing nilai: (1) pendayautamaan struktur 5 item indeks korelasi (0.815 – 0.878) dan nilai alfa (0.896), (2) timbang rasa 5 item indeks korelasi (0.553 – 0.623) nilai alfa (0.611), (3) sokongan 5 item indeks korelasi (0.523 – 0.773) nilai alfa (0.651), (4) terlibat sama 5 item indeks korelasi (0.302 – 0.522) dan nilai alfa (0.614), (5) berkuasa 5 item dengan indeks korelasi (0.433 – 0.690) nilai alfa (0.548), (6) kecekapan 5 item indeks korelasi (0.343 – 0.581) nilai alfa (0.689). Rumusannya adalah secara keseluruhan kesahan soal selidik gaya kepimpinan tinggi iaitu (0.302-0.878) dan kebolehpercayaan soal selidik tinggi iaitu (0.414-0.896).

Jadual 3.7

**Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik
Gaya Kepimpinan Guru Besar**

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|-------------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Pendayautamaan struktur | 5 | 0.815 – 0.878 | 0.896 |
| 2 | Timbang rasa | 5 | 0.553 – 0.623 | 0.611 |
| 3 | Sokongan | 5 | 0.523 – 0.773 | 0.651 |
| 4 | Terlibat Sama | 5 | 0.302 – 0.522 | 0.614 |
| 5 | Berkuasa | 5 | 0.433 – 0.690 | 0.648 |
| 6 | Kecekapan | 5 | 0.343 – 0.581 | 0.689 |

3.6.2.1.7 Kesahan Kebolehpercayaan Soal Selidik Suasana Kerja

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik suasana kerja dapat dilihat pada Jadual 3.12 dengan masing-masing nilai: (1) kebersihan 5 item indeks korelasi (0.420 – 0.698) dan nilai alfa (0.695), (2) keselamatan 5 item indeks korelasi (0.364 – 0.516) nilai alfa (0.692), (3) Keadilan 5 item indeks korelasi (0.319 – 0.595) nilai alfa (0.658), (4) Semangat kerja 5 item indeks korelasi (0.353 – 0.718) dan nilai alfa (0.677), (5) semangat mahu belajar 5 item dengan indeks korelasi (0.322 – 0.565) nilai alfa (0.680), (6) Rancangan untuk belajar dari sekolah 5 item indeks korelasi (0.371 – 0.589) nilai alfa (0.690). Rumusannya adalah secara kesluruhan kesahan soal selidik suasana kerja sederhana tinggi iaitu (0.322-0.718) dan kebolehppercayaan soal selidik sederhana tinggi iaitu (0.358-0.395).

Jadual 3.8

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Suasana Kerja

| Bil | Aspek | Bilangan Item | Korelasi Item dengan jumlah skor | Nilai Alfa |
|-----|-----------------------|---------------|----------------------------------|------------|
| 1 | Kebersihan | 5 | 0.420 – 0.698 | 0.695 |
| 2 | Keselamatan | 5 | 0.364 – 0.516 | 0.692 |
| 3 | Keadilan | 5 | 0.319 – 0.595 | 0.658 |
| 4 | Semangat kerja | 5 | 0.353 – 0.718 | 0.677 |
| 5 | Semangat mahu belajar | 5 | 0.322 – 0.565 | 0.680 |
| 6 | Rancangan belajar | 5 | 0.371 – 0.589 | 0.690 |

3.6.3 Pengesahan Analisis Faktor

SEM mengandungi dua bahagian iaitu model dan pengukuran dan model struktur yang membentuk model keseluruhan SEM. Dalam proses SEM model pengukuran ditentukan terlebih dahulu sebelum menguji kesesuaian keseluruhan model (Hair, Anderson, Tatham dan Black, & Willian, 1998). SEM berkemampuan untuk menunjukkan pengesahan analisis faktor (*Confirmatory Factor Analysis – CFA*), di mana konstruk dan indikatornya dalam suatu model pengukuran ditentusahkan.

Model pengukuran dalam SEM boleh menjelaskan perhubungan antar indikator yang diperhatikan dengan faktor yang tersirat (latent) (Byrne, 1995). Walau bagaimanapun SEM hanya berperanan sebagai pengesah kerana penyelidik yang menentukan spesifikasi setiap konstruk. (Hair, Anderson, Tatham, & Black, & Willian, 1998). Selain itu SEM boleh menguji secara statistik bagi menilai *Goodness-of-fit* untuk menentukan pengesahan faktor. *Fitting* yang memuaskan daripada model pengukuran perlu diperolehi sebelum Model Cadangan diuji secara keseluruhan (Mulaikh & James,

1995). Pendekatan CFA dalam SEM dimulakan dengan mengenal pasti spesifikasi model pengukuran. CFA hanya menggunakan komponen model pengukuran daripada model umum SEM (Hoyle, 1995).

Tujuan CFA adalah untuk mengesahkan struktur dalam model pengukuran. Semua model pengukuran dalam kajian ini adalah merupakan dimensi dari satu variabel seperti ditunjukkan dalam rajah 3.1 hingga 3.5. CFA merupakan suatu ujian yang berkeupayaan untuk menguji struktur model ringkas seperti model yang dipilih dalam penyelidikan ini.

Penerokaan analisis faktor (*Exploratory Factor Analysis – EFA*) telah digunakan bagi mengenalpasti bilangan dimensi atau faktor yang terdapat dalam suatu skala pengukuran. Dalam kajian ini tidak ada faktor yang diekstrakkan dari setiap pembolehubah, oleh itu konstruk setiap pembolehubah adalah bersifat satu dimensi. Walaubagaimanapun EFA mempunyai limitasi di mana ia tidak dapat mengesahkan sifat satu dimensi pembolehubah secara statistik (Rubio, Berg-Weger dan Teb, 2001). Oleh itu CFA digunakan untuk membuktikan secara statistik bahawa model satu dimensi digunakan pada semua skala pengukuran yang dikonstruksikan.

Satu siri pengesahan analisis faktor (CFA) dilakukan untuk menguji keadaan satu dimensi item-item dalam skala pengukuran tersebut. Setengah item sekali lagi di buang dalam proses menentusahkan model pengukuran tersebut. Dapatan akhir daripada CFA adalah seperti dalam jadual 3.8. yang menunjukkan bahawa semua model satu dimensi adalah sepadan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, dimana nilai X^2/df menghampiri 1. Dengan itu boleh disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator atau item dan kostruknya bagi semua pembolehubah yang diuji.


Skala tersebut kemudian diuji untuk memastikan ketekalannya menggunakan *Alpha Cronbach*. *Alpha Cronbach* adalah satu ujian untuk ketekalan dalaman dan tidak memeriksa secara langsung dimensi daripada skala ukuran (Rubio, BEG-Weger dan Tebb, 2001).

Jadual 3.8.1

***Index Goodness-of-Fit* bagi model pengukuran untuk pembolehubah Gaya Kepimpinan Guru Besar.**

| Model Ukuran : Dimensi 1 : Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|---|----------------------------|----|-------|-------|-------|-------------|
| Kumpulan Data | <i>Maksimum Likelihood</i> | | | | | |
| | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5.806 | 5 | 0.326 | 0.043 | 0.987 | 1.161 |
| Kajian Sebenar | 2.553 | 5 | 0.769 | 0.000 | 1.685 | 0.511 |

Berdasarkan jadual 3.8.1 Dimensi 1 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 1. Gaya kepimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,685) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai X^2/df iaitu (0,511) menunjukkan nilai X^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepimpinan guru besar dimensi 1 iaitu pendayautamaan struktur dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepimpinan guru besar. Model satu dimensi gaya kepimpinan guru besar dimensi 1 iaitu pendayautamaan struktur terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.1 berikut :



Rajah 3.1.1 : Model Dimensi 1 Gaya Kepimpinan Guru Besar


Jadual 3.8.2

***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 2 :
Gaya Kepimpinan Guru Besar.**

| Model Ukuran : Dimensi 2 : Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|---|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 4,854 | 5 | 0,434 | 0,000 | 1,019 | 0,971 |
| Kajian Sebenar | 3,297 | 5 | 0,654 | 0,000 | 1,046 | 0,659 |

Berdasarkan jadual 3.8.2 Dimensi 2 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 2. Gaya kepimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,046) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,659) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepimpinan guru besar dimensi 2 iaitu timbang rasa dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepimpinan guru

besar. Model satu dimensi gaya kepimpinan guru besar dimensi 2 iaitu timbang rasa terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.2 berikut :



Rajah 3.1.2 : Model Dimensi 2 Gaya Kepimpinan Guru Besar


Jadual 3.8.3

***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 3 : Gaya Kepimpinan Guru Besar.**

| Model Ukuran : Dimensi 3: Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5,009 | 5 | 0,415 | 0,004 | 0,999 | 1,002 |
| Kajian Sebenar | 6,987 | 5 | 0,222 | 0,039 | 0,936 | 1,397 |

Berdasarkan jadual 3.8.3 Dimensi 3 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 3. Gaya kepimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (0,936) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,039) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (1,397) menunjukkan nilai χ^2/df melebihi 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepimpinan guru besar dimensi 3 iaitu sokongan dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepimpinan guru besar.

Model satu dimensi gaya kepemimpinan guru besar dimensi 3 iaitu sokongan terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.3 berikut :



Rajah 3.1.3 : Model Dimensi 3 Gaya Kepimpinan Guru Besar


Jadual 3.8.4

***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 4 : Gaya Kepimpinan Guru Besar.**

| Model Ukuran : Dimensi 4 : Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|---|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5,556 | 5 | 0,352 | 0,036 | 1,191 | 1,111 |
| Kajian Sebenar | 2,829 | 5 | 0,726 | 0,000 | 1,337 | 0,566 |

Berdasarkan jadual 3.8.4 Dimensi 4 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 4. Gaya kepemimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,337) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai X^2/df iaitu (0,566) menunjukkan nilai X^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepemimpinan guru besar dimensi 4 iaitu terlibat sama dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepemimpinan guru

besar. Model satu dimensi gaya kepimpinan guru besar dimensi 4 iaitu terlibat sama terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.4 berikut :



Rajah 3.1.4 : Model Dimensi 4 Gaya Kepimpinan Guru Besar

Jadual 3.8.5


Index Goodness-of-Fit Bagi Model Ukuran Dimensi 5 :

Gaya Kepimpinan Guru Besar.

| Model Ukuran : Dimensi 5 : Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|---|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | Df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 3,915 | 5 | 0,562 | 0,000 | 1,181 | 0,783 |
| Kajian Sebenar | 5,846 | 5 | 0,322 | 0,025 | 0,962 | 1,169 |

Berdasarkan jadual 3.8.5 Dimensi 5 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 5. Gaya kepimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (0,962) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,025) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (1,169) menunjukkan nilai χ^2/df melebihi 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepimpinan guru besar dimensi 5 iaitu berkuasa dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepimpinan guru besar.

Model satu dimensi gaya kepemimpinan guru besar dimensi 5 iaitu berkuasa terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.5 berikut :



Rajah 3.1.5 : Model Dimensi 5 Gaya Kepimpinan Guru Besar


Jadual 3.8.6

***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 6 :
Gaya Kepimpinan Guru Besar.**

| Model Ukuran : Dimensi 6 : Gaya Kepimpinan Guru Besar | | | | | | |
|---|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 4,379 | 5 | 0,496 | 0,000 | 1,147 | 0,876 |
| Kajian Sebenar | 3,803 | 5 | 0,578 | 0,000 | 1,112 | 0,761 |

Berdasarkan jadual 3.8.6 Dimensi 6 : Gaya Kepimpinan Guru Besar diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 6. Gaya kepemimpinan guru besar menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,112) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,761) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator gaya kepemimpinan guru besar dimensi 6 iaitu kecekapan dengan semua konstruk pembolehubah gaya kepemimpinan guru besar.

Model satu dimensi gaya kepemimpinan guru besar dimensi 6 iaitu kecekapan terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.6 berikut :



Rajah 3.1.6 : Model Dimensi 6 Gaya Kepimpinan Guru Besar

Jadual 3.8.7


Index Goodness-of-Fit Bagi Model Ukuran Dimensi 1 :

Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 1 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | Df | P | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5,061 | 5 | 0,409 | 0,009 | 1,026 | 1,012 |
| Kajian Sebenar | 4,326 | 5 | 0,499 | 0,000 | 1,029 | 0,872 |

Berdasarkan jadual 3.8.7 Dimensi 1 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 1. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,029) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,872) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 1 iaitu kerja itu sendiri dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu dimensi kepuasan kerja

guru dimensi 1 iaitu kerja itu sendiri terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.7 berikut :



Rajah 3.1.7 : Model Dimensi 1 Kepuasan Kerja Guru


Jadual 3.8.8

Index Goodness-of-Fit Bagi Model Ukuran Dimensi 2 : Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 2 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 9,270 | 5 | 0,099 | 0,078 | 7,727 | 1,854 |
| Kajian Sebenar | 3,942 | 5 | 0,558 | 0,000 | 1,144 | 0,788 |

Berdasarkan jadual 3.8.8 Dimensi 2 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 2. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,144) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,788) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 2 iaitu kepimpinan pentadbiran dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu dimensi

kepuasan kerja guru dimensi 2 iaitu kepimpinan pentadbiran terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.8 berikut :



Rajah 3.1.8 : Model Dimensi 2 Kepuasan Kerja Guru

Jadual 3.8.9


Index Goodness-of-Fit Bagi Model Ukuran Dimensi 3 :

Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 3 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | Df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 6,072 | 6 | 0,415 | 0,009 | 1,049 | 1,012 |
| Kajian Sebenar | 5,153 | 6 | 0,524 | 0,000 | 1,043 | 0,859 |

Berdasarkan jadual 3.8.9 Dimensi 3 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 3. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,043) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,859) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 3 hubungan interpersonal dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu dimensi

kepuasan kerja guru dimensi 3 yaitu hubungan interpersonal terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.9 berikut :



Rajah 3.1.9 : Model Dimensi 3 Kepuasan Kerja Guru

Jadual 3.8.10


***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Dimensi 4 :**

Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 4 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | Df | P | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 6,158 | 5 | 0,291 | 0,041 | 1,885 | 1,232 |
| Kajian Sebenar | 5,207 | 5 | 0,391 | 0,013 | 0,981 | 1,041 |

Berdasarkan jadual 3.8.10 Dimensi 4 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 4. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (0,981) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,013) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (1,041) menunjukkan nilai χ^2/df melebihi 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 4 iaitu perserikatan tempat kerja dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu dimensi

kepuasan kerja guru dimensi 4 iaitu perserikatan tempat kerja terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.10 berikut :



Rajah 3.1.10 : Model Dimensi 4 Kepuasan Kerja Guru

Jadual 3.8.11


Index Goodness-of-Fit Bagi Model Dimensi 5 :

Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 5 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | P | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5,047 | 5 | 0,410 | 0,008 | 1,022 | 1,009 |
| Kajian Sebenar | 5,373 | 5 | 0,373 | 0,017 | 0,961 | 1,075 |

Berdasarkan jadual 3.8.11 Dimensi 5 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 5. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (0,961) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,017) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (1,075) menunjukkan nilai χ^2/df melebihi 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 5 iaitu pencapaian pelajar dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu dimensi

kepuasan kerja guru dimensi 5 iaitu pencapaian pelajar terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.11 berikut :



Rajah 3.1.11 : Model Dimensi 5 Kepuasan Kerja Guru

Jadual 3.8.12


***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 6 :**

Kepuasan Kerja Guru.

| Model Ukuran : Dimensi 6 : Kepuasan Kerja Guru | | | | | | |
|--|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | Df | P | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 13,322 | 5 | 0,021 | 0,109 | 1,722 | 2,664 |
| Kajian Sebenar | 1,974 | 5 | 0,853 | 0,000 | 1,207 | 0,695 |

Berdasarkan jadual 3.8.12 Dimensi 6 : Kepuasan Kerja Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 6. Kepuasan Kerja Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,207) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,695) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator kepuasan kerja guru dimensi 6 iaitu ganjaran bukan bentuk kewenangan dengan semua konstruk pembolehubah kepuasan kerja guru. Model satu

dimensi kepuasan kerja guru dimensi 6 iaitu ganjaran bukan bentuk kewenangan terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.12 berikut :



Rajah 3.1.12 : Model Dimensi 6 Kepuasan Kerja Guru

Jadual 3.8.13


Berdasarkan jadual 3.8.39 Dimensi 4 : Prestasi Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 4. Prestasi Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (1,123) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,000) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (0,771) menunjukkan nilai χ^2/df menghampiri 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator prestasi guru dimensi 4 iaitu memenuhi keperluan berbeza dengan semua konstruk pembolehubah prestasi guru. Model satu dimensi prestasi guru dimensi

4 iaitu memenuhi keperluan berbeza terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.39 berikut :



Rajah 3.1.39 : Model Dimensi 4 Prestasi Guru


Jadual 3.8.40

***Index Goodness-of-Fit* Bagi Model Ukuran Dimensi 5 : Prestasi Guru.**

| Model Ukuran : Dimensi 5 : Prestasi Kerja | | | | | | |
|---|----------|----|-------|-------|-------|-------------|
| <i>Maximum Likelihood</i> | | | | | | |
| Kumpulan Data | χ^2 | df | p | RMSEA | TLI | χ^2/df |
| Ujian Rintis | 5,678 | 5 | 0,339 | 0,026 | 1,249 | 1,136 |
| Kajian Sebenar | 5,530 | 5 | 0,355 | 0,020 | 0,958 | 1,106 |

Berdasarkan jadual 3.8.40 Dimensi 5 : Prestasi Guru diatas, diketahui dapatan CFA (Confirmatory Factor Analysis) terhadap dimensi 5. Prestasi Guru menunjukkan model satu dimensi adalah padan (fit) atau boleh diterima oleh data yang terdapat dalam kajian sebenar, didapati nilai TLI adalah (0,958) lebih tinggi daripada nilai yang dicadangkan (0,900). Nilai RMSEA pula adalah (0,020) kurang daripada (0,050) (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Sementara nilai χ^2/df iaitu (1,106) menunjukkan nilai χ^2/df melebihi 1. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara indikator prestasi guru dimensi 5 iaitu penilaian dan pelaporan dengan semua konstruk

pembolehubah prestasi guru. Model satu dimensi prestasi guru dimensi 5 iaitu penilaian dan pelaporan terdiri dari 5 konstruk 1 item seperti terlihat pada Rajah 3.1.40 berikut :



Rajah 3.1.40 : Model Dimensi 5 Prestasi Guru

Rumusan daripada prosedur tersebut menunjukkan bahawa FA digunakan sebagai tinjauan untuk menguji sifat satu dimensi skala ukuran, sementara CFA.

3.7 Tata Cara Penganalisan Data

Data yang terkumpul dalam penelitian ini dianalisa dengan menggunakan teknik statistika, baik statistika deskriptip mahupun statistika inferensial. Statistika deskriptip digunakan untuk menyajikan data masing-masing variabel penelitian secara tunggal, mahupun bersama-sama iaitu variabel prestasi guru, disiplin kerja dan motivasi mengajar, kepuasan kerja, pengurusan konflik, suasana kerja, dan gaya kepimpinan guru besar, sedangkan statistika inferensial digunakan untuk menguji hipotesis penyelidikan.

3.7.1 Teknik Analisis Data

3.7.1.1 Analisis Deskriptif

Statistika deskriptip yang digunakan adalah ukuran gejala pusat yang meliputi mean dan sisihan piawai untuk penyajian data penyelidikan.

3.7.1.2 Analisis Faktor

Ujian Analisis faktor turut dilakukan bagi menentukan sama ada setiap item soal selidik mewakili konstruk atau dimensi kerangka kajian (Cramer 2003). Ujian *Keiser-Meyer-Olkin* dan Ujian Bartlet perlu dilakaukan terlebih dahulu sebelum analisis faktor dilakukan (Norusis 1993; Hair et al. 1998). Dalam ujian analisis faktor nilai *Keiser-Meyer-Olkin* melebihi nilai 0.05 dan uji Bartlet pula mendapati nilai 0.00 merupakan nilai yang signifikan serta kurang dari nilai 0.05.

Ujian analisis faktor dilaksanakan dengan menggunakan analisis principal component melalui pusingan varimax, nilai eigen dan peratusan varian. Kaidah *Keiser* digunakan untuk menguji kesahan. Faktor-faktor yang mempunyai nilai *Eigen* melebihi satu telah digunakan dalam mengenal pasti jumlah sebenar faktor-faktor yang perlu kekal dalam pengiraan. Beberapa penyelidik (Cote 1999) telah menegaskan bahawa nilai *loading* item yang melebihi 0.3 dianggap mempunyai indeks kesahan dalaman yang baik mewakili konstruks instrumen kajian

3.7.1.3 *Structural Equation Modelling*

Structural Equation Modelling (SEM) ialah suatu teknik dalam multivariat yang mana menggabungkan komponen regresi berganda dan juga analisis faktor (Hair, et. Al, 1998). SEM telah digunakan semakin banyak untuk menganalisis data dari kajian yang bukan berbentuk eksperimen (Bollen 1990, Bentler & Dudgeon, 1996). Data daripada kajian yang bukan berbentuk eksperimen biasanya dilihat sebagai data daripada kajian berbentuk psikologi dan analisisnya menggunakan multivariat.

Model yang terhasil melalui SEM adalah dibentuk berdasarkan kepada pelbagai pembolehubah serta saling berhubungan antara pembolehubah yang boleh dianggarkan serentak. SEM merupakan satu metodologi statistik sepenuhnya digunakan untuk

membina model statistik daripada data bagi mengesahkan apa yang dijangkakan secara teori dan juga bagi memahami fenomena sebenar yang menjangkakan data yang dikaji (Kaplan, 2000).

Penyelidikan ini menggunakan SEM dalam analisis data kerana ia memberikan fungsi statistik yang berupa seperti regresi berganda, ia juga boleh menjangka faktor-faktor yang memberikan kesan kepada prestasi guru. Walaubagaimanapun SEM lebih baik daripada regresi berganda kerana ia boleh mengabaikan sebahagian daripada andaian dalam regresi berganda seperti hubungan tidak linier dan perkaitan antara pembolehubah bebas. Secara perbandingannya, SEM merupakan teknik analisis data yang lebih diutamakan dalam kajian ini kerana kelebihan-kelebihan berikut:

- Andaian yang fleksibel dimana SEM memberikan interpretasi walaupun dalam berhadapan dengan multicollinearity.
- SEM tidak menguji pekali jejak (*Path coefficient*) secara individu tetapi menguji model secara keseluruhan dan serentak.
- Model dapat dibentuk hasil daripada perkaitan antara pembolehubah dengan menggunakan SEM.
- Model boleh ditunjuk secara grafik untuk diuji.
- Boleh menguji model yang mempunyai pembolehubah bersandar
- Boleh membentuk pertengahan yang mempunyai pembolehubah perentaraan.

Dalam kajian ini model yang dicadangkan telah diuji menggunakan prosedur SEM. Pada dasarnya asas SEM boleh menguji samada bentuk atau corak daripada variabel dan kovarian dalam data selaras dengan model cadangan yang berasaskan teori. Jika didapati hampir selaras, model cadangan diubahsuai berasaskan indeks pengubahsuaian (MI) dalam SEM, kemudiannya model

tersebut diuji lagi. Perubahan yang dicadangkan hanya akan diterima jika ia boleh diterima secara logik.

Satu model yang diterima signifikan melalui analisis SEM adalah model yang tidak sah, jika data gagal menolak model yang dianggarkan (Mulaik & James, 1995; Maruyana, 1998), maka model tersebut diterima sebagai benar. Walau bagaimanapun mungkin ada lagi model-model lain yang tidak dikaji masih fit dengan data kajian yang ada.

Satu kelemahan pendekatan SEM ialah pengesahan model dengan cara ini kurang stabil dan bermakna mungkin data yang baru tidak dapat dipadankan dengan model tersebut, kerana ia dibentuk berdasarkan keunikan set data yang ada. Walau bagaimanapun masalah ini boleh diatasi dengan menggunakan set data lain yang setara dengannya. Dalam kajian ini data prestasi guru dipadankan dengan model yang dibentuk untuk tujuan pengesahan.

Analisis SEM yang dikemukakan dalam model cadangan menggunakan program AMOS versi 6 untuk Windows. SEM mudah digunakan atas user friendly dan sangat berpaedah apabila digunakan kepada data yang diperoleh daripada kajian survey. AMOS boleh meanggarkan sesetengah parameter berikut (Arbuckle, 1994):

- a. Min, varian, kovarian dan korelasi unguk semua pembolehubah dalam satu model.
- b. Gandaan dan kuasa dua korelasi (R^2) untuk setiap pembolehubah bersandar dalam sesuatu model.

Langkah-langkah dalam analisis SEM terhadap data kajian adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----------|-----------------------------------|--|
| Langkah 1 | : Spesifikasi model atau | : Pernyataan tentang model secara teori dari |
| | <i>Strictly Confirmatory (SC)</i> | persamaan atau rajah telah dibentuk |
| Langkah 2 | : Mengenal pasti model atau | : Secara teorinya model tersebut boleh |
| | Alternatif model (AM) | dianggarkan dengan data yang dikaji |

- Langkah 3 : Penganggaran : Parameter model secara statistiknya telah dianggarkan daripada data
- Langkah 4 : Padanan model (fit model) : Model diuji untuk menentukan fit model
- Langkah 5 : Meningterpretasi dan mengubahsuai model atau Model Generating (MG)

Berikut adalah penjelasan mengenai langkah-langkah tersebut:

3.7.1.3.1 Model Pengukuran (Spesifikasi model) dan Analisis Factor Konfirmatori (*Strictly Confirmatory*) (SC)

Model pengukuran merupakan sebahagian Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM, Structural Equation Modeling) yang membincangkan tentang hubungan antara variabel pendam dan varabel boleh ceap atau item masing-masing. Ini dilakukan dengan spesifikasikan hubungan antara variabel pendam dan item masing-masing (Hoyle, 1995). Model pengukuran membuat penganggaran berdasarkan keadaan maximum likelihood. Model pengukuran digunakan untuk spesifikasikan variabel pendam sebagai fungsi linear kepada variabel-variabel boleh cerap yang merupakan item kepada variabel pendam. Dalam kes begini, model pengukuran berfungsi sama seperti analisis factor. Model pengukuran yang tulin adalah model Analisis Faktor Komformatori (CFA) dimana terdapat kovarian antara setiap pasang variabel pendam yang belum ditentukan (Garson, 2006). Menurut Garson (2006) lagi, dalam model pengukuran, terdapat anak panah dari variabel pendam kepada item masing-masing, terdapat anak panah dari ralat atau disturbance kepada item.

Analisis faktor konfirmatori (CFA) digunakan untuk menguji fit model pengukuran (Kline, 2005). Menurut Byrne (2001) serta Mueller dan Hancock (2001), CFA sesuai digunakan apabila penyelidik mempunyai sejumlah pengetahuan tentang

struktur variabel pendam. Berdasarkan pengetahuan tentang teori dan kajian-kajian emperikal lalu, pengkaji mempostulasi hubungan antara variabel boleh cerap dan faktor secara “a priori” dan kemudian menguji hubungan yang dihipotesiskan itu secara statistik. Seterusnya model akan dinilai secara statistical dengan menentukan “goodness-of-fit” ke atas data sampel. Sekiranya model telah mencapai “fit” yang boleh diterima, penganalisan akan diteruskan untuk menguji model structural. Di sebalik, jika model pengukuran tidak mencapai “fit” yang boleh diterima, model tersebut terpaksa “re-spesifikasi” berpandukan teori dan residual “matrixes”.

Analisis Faktor Konfirmatori memberikan penyelidik meletakkan sekatan yang bermakna ke atas faktor dalam model seperti meletakkan nilai sifat untuk kesan suatu variabel pendam ke atas varaiabel boleh cerap yang menjadi subsetnya (Albright, 2007). Analisis faktor komfirmatori membenarkan penyelidik menguji hipotesis tentang sesuatu faktor (Albright, 2007). Menurut Garson (1998), Analisis Faktor Kofirmatori boleh digunakan untuk mengesahkan bahawa item-item dapat dikumpulkan kepada faktor masing-masing berdasarkan cara penyelidik menghubungkan item dengan variabel pendam.

Dalam SEM, faktor muatan (factor loading) selalunya diinterpretasikan sebagai pekali regresi standard atau tidak standard (Kline, 2005). Daripada keputusan analisis faktor Konfirmatori akan didapati nilai penganggar untuk kovarians antara faktor, nilai faktor muatan bagi item untuk faktor serta nilai ralat pengukuran untuk setiap item (Kline, 2005). Kesahan item-item yang dihubungkan kepada variabel pendam dapat ditentukan berdasarkan “magnitude” “penganggar structural” bagi “path” dari semua indikator kepada variabel pendam yang boleh didapati dari model pengukuran.

Seterusnya, model pengukuran yang menggunakan Analisis Faktor Konfirmatori akan disahkan menggunakan indeks “goodness-of-fit”.

Dalam kajian ini, model pengukuran dapat memberi maklumat seperti berikut:

- i. Hubungan antara variabel boleh cerap dan variabel pendam yang diterangkan oleh faktor muatan.
- ii. Koefisien kesahan kerana faktor muatan dapat memberi keterangan tentang sejauh mana sesuatu variabel boleh cerap dapat mengukur variabel pendam.

Alat Pengukuran


Kajian ini mencadangkan suatu model prestasi guru pendidikan agama Islam iaitu: disiplin kerja, motivasi mengajar, kepuasan kerja, suasana kerja, pengurusan konflik dan gaya kepimpinan guru besar. Model tersebut dibentuk berasaskan model prestasi P (*performance*) = a (*ability*) X m (*motivation*).

Model tersebut berbentuk konsep di mana bilangan pembolehubah atau faktor secara teorinya berhubungan kait dengan pembolehubah bersandar seperti mana yang diterangkan dalam bab I. Dengan menggunakan SEM, penyelidikan ini mengkaji perhubungan yang saling bersandar antara set-set pembolehubah tersebut, dimana perubahan satu pembolehubah menyebabkan perubahan terhadap pembolehubah yang lain.

Dalam SEM suatu model pada mulanya dihasilkan dalam bentuk struktur atau model yang boleh digambarkan oleh satu rajah *path* (Arburckle & Wothke, 1999). Dalam membina rajah laluan (*path*) perhubungan antara pembolehubah digambarkan oleh bentuk panah. Panah yang sehala menandakan perhubungan langsung daripada satu pembolehubah kepada pembolehubah lain. Panah dua hala menandakan korelasi antara pembolehubah. Model yang dicadangkan digambarkan oleh satu rajah *path* dalam rajah 3.2. Rajah tersebut menggambarkan siri perhubungan antara pembolehubah. Model

tersebut merupakan model sementara yang boleh berubah. Semua panah adalah sehalu tanpa ada laluan dua hala.

Pemboleh ubah bebas dalam SEM dikenali sebagai pemboleh ubah *exogenous* dan pemboleh ubah bersandar dikenali sebagai *endogenous*. Misalnya dalam rajah 3.2 motivasi dan disiplin kerja menjadi peramal atau *exogenous* kepada prestasi guru pendidikan agama Islam yang menjadi pemboleh ubah *endogenous*.



Rajah 3.2 Cadangan Model Prestasi Guru Pendidikan Agama Islam

Anak panah dari pemboleh ubah *exogenous* kepada pemboleh ubah endogenous. Menandakan kesan peramal terhadap pemboleh ubah bersandar. Dalam rajah 3.41 gaya kepimpinan guru besar menjadi peramal motivasi guru dan pengurusan konflik; keuasan kerja menjadi peramal motivasi kerja; disiplin kerja menjadi peramal prestasi, motivasi kerja, dan pengurusan konflik; suasana kerja menjadi peramal prestasi, dan pemboleh ubah bersandar (pengurusan konflik dan motivasi) menjadi peramal prestasi guru.

Hipotesis yang dibuat ialah skor bagi prestasi guru sebagai pembolehubah bersandar boleh dianggarkan oleh gabungan perhubungan linear antara keempat peramal atau pembolehubah berikut:

- a. Pemboleh ubah bebas: faktor dalaman guru:

Disiplin kerja

Kepuasan kerja

Motivasi kerja

- b. Pembolehubah bebas: faktor luaran terhadap prestasi guru

Gaya kepimpinan guru besar

Suasana kerja

Pengurusan konflik

Selain itu hipotesis yang dibuat ialah skor bagi pengurusan konflik sebagai pemboleh ubah bersandar boleh diramalkan oleh perhubungan linear antara faktor gaya kepimpinan guru besar. Di samping itu skor motivasi kerja sebagai pembolehubah bersandar boleh diramalkan oleh gabungan perhubungan linear antara tiga peramal iaitu faktor disiplin kerja, gaya kepimpinan guru besar dan kepuasan kerja yang menjadi pembolehubah bebas.


Analisis SEM ini menggunakan 2 langkah analisis yang dicadangkan oleh setengah penyelidik (Hair, Anderson, Tatham dan Black, 1998), dimana model pengukuran ditentukan dahulu dengan menggunakan analisis pengesahan faktor kemudian diikuti model struktur keseluruhan yang dianalisis menggunakan SEM.

Analisis pengesahan faktor telah dibuat ke skala yang mengandungi ukuran dan item yang pelbagai, pengurusan konflik, gaya kepimpinan guru besar, disiplin, suasana kerja, kepuasan kerja dan motivasi kerja serta prestasi guru. Tujuan CFA adalah

untuk menguji keadaan uni-dimensi sesuatu skala ukuran dengan semua item diskorkan dalam skala yang boleh dicampurkan dan digunakan dalam analisis SEM.

Alpha Cronbach digunakan untuk mengukur sejauhmana pembolehubah yang mengandungi pelbagai item adalah mengukur suatu dimensi yang sama. Peramal bertindak sebagai pembolehubah *exogenous*, setiap satu berkait dengan prestasi guru, gaya kepimpinan guru besar dan motivasi menjadi *endogenous* pada peringkat ini. Rajah *path* juga menunjukkan peramal yang dicadangkan saling berkait antara satu sama lain kecuali peramal gaya kepimpinan guru besar dan disiplin yang merupakan faktor luaran yang berkaitan dengan prestasi guru dan pengurusan konflik, serta kepuasan kerja yang berkaitan dengan motivasi kerja sementara suasana kerja berkaitan langsung dengan prestasi.

Perisian AMOS boleh digunakan untuk melakarkan rajah *path* seperti digambarkan pada rajah 3.3. Kotak-kotak pada rajah tersebut mewakili pembolehubah dan lingkaran mewakili pembolehubah tersirat (*latent*). Panah satu hala mewakili hubungan linear bersandar yang menghubungkan peramal kepada pembolehubah bersandar.



Rajah 3.3 Model *Path* Cadangan Prestasi Guru

Panah dua hala mewakili korelasi antara satu sama lain pembolehubah exogenous. Disebabkan hampir semua data merupakan data empirikal, maka ramalan tidak akan tepat (Arbuckle & Wothke, 1999). Oleh itu kesilapan disebabkan pembolehubah tersirat, seperti “*er1*” dalam rajah 3.42 sedia untuk menyerap variasi rawak dari skor amalan yang tidak dikaji. Setiap panah satu arah menerangkan pekali regresi nombor 1 dalam rajah 3.42 menandakan bahawa *error 1* mesti mempunyai pekali satu dalam meramalkan prestasi guru. Begitu juga dengan *error 2* dan *error 3* yang merupakan pemboleh ubah tersirat untuk menyerap kesilapan dalam pengukuran dan pekali regresi ditetapkan dengan nilai satu.

Setengah tetapan mesti diletakkan untuk menjadikan model tersebut boleh digunakan dan menjadi ciri model yang perlu dalam AMOS. AMOS perlu dibekalkan dengan maklumat tentang data sebelum ianya boleh dianalisis.

3.7.1.3.2 Mengenal pasti model atau Alternatif Model

Model struktural merupakan satu set persamaan struktural (Kenny, 2003). Model struktural dapat mewakili magnitude untuk arah hubungan antara satu set konstruk atau variabel pendam dan membenarkan penyelidik menilai tentang hubungan yang telah dihipotesiskan dalam model a priori yang dipostulasi (Hoyle, 1995). Menurut Byrne (2001), model structural mendefeniskan hubungan antara varaiabel pendam menggunakan kaedah *maximum likelihood*. Model struktural membuat spesifikasi tentang cara bagaimana sesuatu variabel pendam mempengaruhi atau memberi kesan sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas perubahan nilai dalam suatu variabel pendam yang lain dalam model. Menurut Chong (2006) pula, model struktural dapat membuat spesifikasi tentang sejauhmanakah sesuatu variabel pendam dapat meramal variabel pendam yang lain dalam model. Model yang membuat spesifikasi

bahawa kesan datang dari suatu arah sahaja dinamakan model rekursi (recursive). Di sebaliknya, model yang membenarkan *feedback loops* atau kesan *feedback* dinamakan *non-recirsive* (Byrne, 2001, Fife-Schaw, 2000).

Apabila model pengukruan telah mencapai *overall fit* yang boleh diterima, maka langkah seterusnya ialah menguji model structural. Ini termasuklah menguji semua *path structural* antara variabel pendam dalam model dan *overall fit* model structural yang dihipotesis. Sekiranya nilai *overall fit* tidak boleh diterima, malah model tersebut terpaksa dimodifikasikan berdasarkan teori atau *residual matrixes*. Pengujian model structural menggunakan AMOS 16 dapat menghasilkan maklumat tentang hubungan kausal, jumlah kesan, kesan tidak langsung serta kesan langsung antara variabel dalam model. Penganggar regresi standard dapat memperuntukkan input berkenaan kesahan indikator untuk setiap konstruk.

Model tertentu ditetapkan untuk mengenal pasti samada model yang dicadangkan *fit* dengan data yang dikaji. Model berkenaan dibentuk berasaskan teori terlebih dahulu. Pengenal pastian adalah untuk melihat keserasian antara maklumat yang hendak dianggarkan iaitu parameter bebas dalam model dengan maklumat yang hendak dianggarkan iaitu varian dan co-varian yang dikaji (Hoyle, 1995). Pengenal pastian dapat menentukan darjah kebebasan (*df*) model yang sepatutnya lebih besar daripada sifat untuk membolehkan dibuat pengenalpastian, jika tidak AMOS tidak dapat mengira anggaran parameternya. AMOS memberi apabila berhadapan dengan model yang tidak dapat dikenalpasti. Oleh itu model perlu dikenalpasti terlebih dahulu untuk membolehkannya dianggarkan (Maruyama, 1998).

3.7.1.3.3 Penganggaran (*Estimation*)

Setelah suatu model itu ditetapkan dan dikenalpasti, langkah seterusnya adalah mendapatkan anggaran parameter bebas daripada set data yang dikaji, kaedah ulangan seperti *Maximum Likelihood* (ML) atau *Generalized Least Squares* (GLS) adalah diutamakan (Chou & Bentler, 1995). Penganggaran adalah proses dimana parameter bagi sesuatu model secara statistiknya dianggarkan melalui data. Tetapi sebelum anggaran yang sesuai dipilih, data hendaklah disemak agar tidak terdapat anggaran yang tersilap dan kesahihannya terhadap sesuatu andaian dalam analisis SEM adalah persampelan yang rawak dan multivariat normaliti (Bentler & Dudgeon, 1996, Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998). Kenormalan multivariat menentukan kaedah anggaran yang dipilih, jika data menyimpang daripada kenormalan multivariat, maka kaedah *bootstrapping* hendaklah digunakan.

3.7.1.3.4 *Bootstrapping*

Bootstrapping adalah satu bentuk persampelan semula dan boleh dianggap sebagai satu proses pengesahan silang (Arbuckel, & Wothke, 1999). *Bootstrapping* merupakan suatu kaedah yang serba boleh yang diperolehi daripada AMOS untuk digunakan kepada data yang tidak normal bagi mendapatkan keputusan analisis SEM yang lebih baik (Efron, 1983). Kelebihan kaedah *Bootstrapping* adalah kerana ia tidak membuat andaian untuk kebarangkalian taburan normal daripada sampel yang banyak (Diaconis & Efron, 1983). Oleh itu *Bootstrapping* adalah satu cara yang baik untuk menilai keseluruhan fit model daripada data yang tidak normal (Stine, 1989).

Pada dasarnya apa yang berlaku dalam usaha *Bootstrapping* ialah data yang dikaji menggambarkan populasi dan kemudian ia disampelkan semula berulang kali

untuk menghasilkan taburan sampel berempirik (Anderson dan Gerbing, 1988). Taburan ini kemudian boleh digunakan untuk menguji hipotesis berstatistik dan menganggarkan *standard error*. Persampelan yang diulang-ulangkan dapat memberi keputusan kajian yang lebih stabil. Proses persampelan dan analisis yang boleh berulang-ulang ini menjadikan proses *Bootstrapping* sebagai suatu proses kesahan silang (Boomsma, 2000).

Model yang berasaskan satu sampel data seluruhnya lemah dalam *fitting* (Stine, 1989) tetapi semasa usaha *Bootstrapping* model adalah *fit* dengan sampel yang banyak yang diambil daripada populasi. *Bootstrapping* juga boleh digunakan memilih kaedah penganggar terbaik untuk analisis SEM (Arbuckle & Wothke, 1999). AMOS menyediakan 5 cara yang boleh dipilih untuk menganggarkan parameter *path* seperti tersenarai dibawah.

AMOS berekemampuan menggunakan *Bootstrapping* untuk membandingkan kaedah anggaran, tetapi masalah dalam membandingkan kaedah anggaran dengan ciri ini ialah bagaimana mengukur perbezaan antara momen populasi dan momen yang tersirat dalam model perlu ditentukan terlebih dahulu (Arbuckle & Wothke, 1999). Penentuan awal kaedah anggaran perlu dipilih dahulu sebelum menggunakan prosedur *Bootstrapping* bagi semua kaedah anggaran dan keputusan *fit* dibandingkan untuk memilih pendanaan terbaik.

Jenis-jenis kaedah anggaran adalah:

- a. *Maximum likelihood* (ML)
- b. *Unweighted least square* (ULS)
- c. *Generalized least square* (GLS)
- d. *Browes asymptotically distribution-free criteria* (ADF)
- e. *Scale-free least square* (SLS)

Maximum likelihood ialah kaedah anggaran yang paling biasa digunakan dalam analisis SEM. ML didapati memberikan keputusan yang sah untuk saiz sampel sekecil 50, tetapi umumnya saiz minimum yang diterima untuk menggunakan ML dengan lebih tepat antara 100-200. Disebabkan ML sensitif kepada taburan multivariat yang tidak normal, teknik anggaran alternatif juga digunakan seperti ADF (Anderson, Tatham & Black, 1998). ADF tidak sensitif kepada taburan tidak normal tetapi memerlukan saiz sampel yang besar.

3.7.1.3.5 Penilaian Fit Model Keseluruhan: Ujian *Goodness-of-fit*

Penilaian keputusan *fit* melibatkan beberapa prosedur: pertama, keputusan diperiksa untuk melihat anggaran yang salah seperti *error varian* yang negatif atau pekali piawaian (*standar coefficient*) melebihi 1.0, kemudian barulah fit model keseluruhan dinilai. Statistik *Goodness-of-fit* keseluruhan dapat menilai tahap matriks *covarians model* yang tersirat (*implied*) agar setara dengan matriks *covarian model* yang dikaji, dimana elemen matriks residual hampir sifar (Bollen, 1990). Ujian *Goodness-of-fit* ini tidak menunjukkan satu path yang tertentu dalam model yang signifikan dalam model yang lemah padanannya adalah tidak bermakna. *Fit* yang baik bukan bermakna kuatnya perhubungan antara pembolehubah, malahan korelasi rendah yang ditentukan dalam model memudahkan untuk mendapatkan *fit* yang baik.

SEM tidak mempunyai satu indeks yang terbaik untuk menjelaskan kekuatan model yang diramalnya. Ujian χ^2 adalah satu ujian statistik yang digunakan untuk menilai *fit* model kepada data kajian (Bentler & Dudgeon, 1996; Hair J.F. *et. al.*, 1998). Indeks-indeks lain juga digunakan untuk melengkapkan lagi ujian χ^2 dalam menilai model. Ujian statistik *Goodnes-of-fit* keseluruhan akan menentukan samada model yang dikaji patut diterima atau ditolak (Bentler & Dugdeon, 199). Terdapat tiga cara ukuran

Goodness-of-fit (Hair et. al., 1998), iaitu *Absolute Fit*, *Incremental Fit* dan *Parsimonious Fit*.

1. Ukuran Absolute Fit

Ukuran *absolute fit* disebut juga sebagai ukuran *fit* keseluruhan, ukuran ini menentukan tahap dimana model keseluruhan meramalkan kovarian kajian atau matrik korelasi (Hair & Bentler, 1995). Ukuran paling asas bagi ukuran *fit* mutlak yang digunakan untuk menginterpretasikan keputusan kajian ini adalah *likelihood-ratio*, khi kuasa dua (χ^2) dan *Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA).

2. Ukuran *Incremental Fit*

Ukuran ini membandingkan indeks *fit* daripada model cadangan dengan model nol iaitu mengukur peningkatan kadaran dalam *fit* (Hoyle, 1995). Model nol adalah model bebas yang mana variabel yang dikaji dianggap tidak berkait dengan pembolehubah bersandar (Bentler & Bonnet, 1980). Ianya digunakan sebagai model asas dan perisian AMOS, model nol adalah model tetapan (*default*)

3. Ukuran *Parsimonious Fit*

Model yang kompleks adalah model yang mempunyai terlalu banyak path atau parameter untuk dianggarkan. *Fit* dianggap lebih baik jika semakin kurang sesuatu model dimana setiap parameter dianggarkan oleh suatu model yang menggunakan satu darjah kebebasan (Hair et. al., 1998). Oleh itu secara perbandingan model yang kompleks akan kurang darjah kebebasannya. Keputusannya, model yang kompleks akan menghasilkan *fit* yang lebih baik berbanding model yang kurang kompleks. Dalam hal ini sesuatu model itu tidak sepatunya mempunyai banyak parameter anggaran dalam hubungan dengan bilangan pembolehubah untuk mengelak berlakunya model *fit* secara kebetulan.

Semua jenis ukuran fit di atas memberikan satu indeks yang boleh membekalkan ujian khi kuasa dua (χ^2) untuk menentukan model yang sebenarnya fit dengan data kajian (Hu & Bentler, 1995). Setiap indeks mempunyai kelebihan dan kekurangannya, maka dicadangkan supaya gabungan indeks-indeks tersebut digunakan dalam membuat keputusan (Anderson & Gerbing, 1988; Bruce, 1998). Kajian ini menggunakan indeks berikut yang mewakili setiap jenis ukuran *Goodness-Of-fit* untuk menentukan *fit* model.

a. *Indeks Goodness-of-fit khi kuasa dua (χ^2)*

khi kuasa dua (χ^2) adalah menjadi asas ukuran kepada fit keseluruhan. Kelemahan ujian χ^2 disebabkan ianya sensitif kepada sampel khususnya jika saiz sampel melebihi 200 responden. (Hair et.al., 1988; Arbuckle & Wothke, 1999). Oleh kerana dalam kajian ini melibatkan 265 orang guru, ujian χ^2 menjadi indikator yang sesuai menentukan *fit* model. Lebih-lebih ujian χ^2 sesuai saiz sampel antara 100 dan 200 (Hair et.al, 1998). Ujian yang signifikan akan menjadi kurang tekal jika saiz sampel diluar julat tersebut.

Ujian χ^2 digunakan untuk mengesahkan hipotesis nol yang mengatakan bahawa anggaran matriks kovarian daripada data sampel adalah sama dengan matriks covarian populasi yang diramalkan oleh model (Hu & Bentler, 1995). Jika hipotesis nol ini betul, maka model tersebut fit dengan data kajian, dan nilai kebarangkalian (p) untuk statistik χ^2 sepatutnya lebih besar daripada 0.05. Lebih besar nilai kebarangkalian, maka lebih baiklah *fit* untuk model tersebut.

Sebagai tambahan, satu nilai χ^2 yang besar berbanding darjah kebebasan (df) menunjukkan bahawa matriks dari kajian dan matriks anggaran banyak berbeza, sedangkan nilai χ^2 yang rendah menandakan matriks sebenar dan matriks

anggaran tidak berbeza dari segi statistiknya. Ini akan menghasilkan aras signifikansi nilai-p lebih besar daripada 0.05.

b. *Index Tucker-Lewis (TLI)*

Indeks TLI juga dikenali dengan beberapa nama iaitu indeks *fit* tidak normal (NNF) dan indeks *fit* tidak normal *Bentler-Bonnet*. TLI membandingkan *absolute fit* mutlak daripada model dengan *fit* model bebas atau nol (Hoetler, 1983). Lebih besar perbezaan antara *fit* daripada kedua-dua model ini, maka lebih besar nilai statistik TLI. Nilai TLI yang disarankan untuk fit model ialah 0.90 ataupun lebih (Statistical Support, 2001)

c. *Root Mean Square Error Of Approximation (RMSEA)*

RMSEA adalah satu daripada indeks fit yang kurang dipengaruhi kesan oleh saiz sampel. Paras nilai RMSEA yang diterima *fit* model yang baik ialah < 0.06 (Statistical Support, 2001). Ia tidak memerlukan model untuk dibandingkan dengan model nol.

d. *Normed Chi-Square*

Ukuran ini dicadangkan oleh Jereskog (1971), iaitu ukuran nisbah χ^2 dibahagikan dengan *df*. Apabila ukuran ini digunakan, model yang tidak sesuai boleh dikesan melalui dua cara:

1. Satu indeks yang kurang daripada 1 menandakan model tersebut terlebih fitnya.
2. Satu indeks yang kurang daripada 2.0 atau 3.0 atau had yang lebih liberal lagi 5.0 menandakan model tersebut memerlukan pengubahsuaian untuk dipadankan dengan data yang dikaji.

3.7.1.3.6 Menginterpretasi dan Mengubah Model atau Model Generating (MG)

Pengubahan model untuk mendapatkan model yang umum, biasanya dimulakan apabila Model Cadangan menampakkan indikator yang tidak menyokong fit setelah semua prosedur anggaran telah dilakukan. Pengubahsuaian melibatkan menspesifikasikan semula parameter dalam model dengan sama ada mengeluarkan parameter yang dulunya dikeluarkan (Hoyle, 1995). Spesifikasi semula parameter mestilah dibuat dengan mengambil kira teorinya adalah wajar dan praktikal. Selepas diubahsuai model tersebut seharusnya dibuat kesahan untuk mengelak daripada masalah fit yang berlaku secara kebetulan sahaja. AMOS menyediakan indeks pengubahsuaian (MI) sebagai panduan untuk mengubahsuai model. Setelah pengubahsuaian dibuat, model yang telah diubahsuai itu seharusnya dinilai semula *fit model* keseluruhan. Keputusan terperinci daripada analisis SEM untuk kajian ini diungkapkan dalam bab berikutnya.

3.7.1.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

Kesahan ujian merujuk kepada sejauh manakah sesuatu ujian itu mengukur apa yang sepatutnya diukur (Tuckman 1978; Alias 1992; Gay & Airasin 2001; Rubin & Babbie 2001). Moh. Majid Konting (1993) menegaskan bahawa kesahan sesuatu alat adalah penting disebabkan pernyataan-pernyataan yang digunakan adalah untuk mengukur sesuatu konsep, maka pernyataan-pernyataan tersebut hendaklah mewakili ciri-ciri konsep yang hendak diukur. Ini bermakna suatu alat yang berupaya mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang ditetapkan adalah dianggap sebagai alat pengukur bagi pemboleh ubah tersebut.

Sesuatu ujian atau instrumen itu dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehan mengukur apa yang sepatutnya ia ukur adalah tinggi.

Kesahan ujian adalah juga penting dalam semua bentuk kajian dan semua jenis ujian dan pengukuran.

Gay L. R. dan Airasin P. (2001) mengatakan bahawa kebolehpercayaan adalah tahap mana sesuatu ujian itu mengukur secara konsisten apa yang harus diukur. Surono D. (1987) mengatakan bahawa ia merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman instrumen dalam mengukur suatu konsep. Pengukuran kebolehpercayaan adalah dengan menggunakan rumus *Alpha Cronbach*. Apabila koefisien reliabilitas instrument yang dihasilkan lebih besar berarti bahawa instrumen ini memiliki reliabilitas yang tinggi. Guna memudahkan perhitungan reliabiliti instrumen menggunakan rumus *Alpha Cronbach* digunakan program SPSS versi 16.

Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik suatu kajian rintis telah dilaksanakan di Kecamatan Cimanggis Kota Depok yang melibatkan seramai 30 orang guru sebagai peserta kajian. Data daripada kajian rintis dianalisis melalui program SPS versi 16 untuk meninjau kesahan dan keboleh percayaan.

Bagi kajian ini, korelasi item dengan jumlah skor digunakan untuk mengukur kesahan soal selidik manakala jumlah skor yang diperbetulkan tingi dengan nilai korelasi 0.25 (Nunally 1978) dan 0.3 (Pers 1996). Kebolehpercayaan indeks Alfa Cronbach mengukur darjah kebolehpercayaan item-item dan aspek dalam instrumen kajian. Nilai koefisien pada tahap 0.3 (Pers 1996) digunakan bagi menentukan darjah kesahan instrumen kajian manakala indeks *Alfa Cronbach* yang digunakan 0.7 keatas (Pallant 2001, Hair 1998).

3.8 Kesimpulan

Bab ketiga dalam kajian ini telah memberikan penumpuan kepada kaedah kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian. Bab ini turut membincangkan kaidah kajian kuantitatif, yang merangkumi: instrument kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, dan tata cara penganalisan data. Turut dibincangkan bab ini adalah keadah kajian yang merangkumi kesahan dan kebolehpercayaan, dan tata cara penganalisan data. Bab ini turut membincangkan proses pelaksanaan kajian rintis.